

KHUTBAH JUMAAT

"MENOKTAH PENYALAHGUNAAN DADAH"

(16 Februari 2024M/ 06 Syaaban 1445H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh menghilangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya. Marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: “**Menoktah Penyalahgunaan Dadah**”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Umat Islam bertanggungjawab membanteras segala bentuk kemungkaran dan kemaksiatan yang berlaku termasuklah penyalahgunaan dadah. Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) kali ke 3 tahun 1981 memutuskan bahawa sebarang penyalahgunaan dadah hukumnya haram. Penyalahgunaan dadah boleh mendatangkan kerosakan kepada diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Pengharaman ini adalah selari dengan Maqasid Syariah (tujuan syarak) untuk menjaga akal (hifzul aqli) dan menutup jalan-jalan kemusnahan (sadduz zara'i). Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Aali-Imran, ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ.

Maksudnya: *“Kamu (wahai umat Muhammad) ialah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk (faedah) umat manusia (kerana) kamu menyuruh melakukan segala perkara yang baik (makruf) dan melarang daripada segala perkara yang buruk dan keji (mungkar) serta kamu beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar keimanan. Dan sekiranya ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman(sebagaimana yang semestinya), tentulah (keimanan) itu*

lebih baik bagi mereka. Ada antara mereka yang beriman tetapi kebanyakan mereka orang yang fasiq”.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Realitinya pada hari ini, kes-kes penyalahgunaan dadah semakin berleluasa dalam masyarakat kita. Data Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Kementerian Dalam Negeri merekodkan sehingga September 2023 seramai 128,911 orang telah menyalahguna dan menjadi penagih dadah. Apa yang amat menyedihkan, daripada jumlah tersebut 77.2 peratus atau 99,531 orang adalah berbangsa Melayu yang kebanyakannya berumur di antara 19 hingga 39 tahun.

Yang lebih menggerunkan pada masa kini, cara untuk mendapat dadah terlalu mudah melalui media social dan wujudnya pelbagai jenis dadah sintetik yang lebih bahaya dan murah seperti syabu dan lain-lain.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pengabaian tanggungjawab terhadap agama, keluarga dan kerjaya merupakan kesan penyalahgunaan dadah. Penagih dadah akan hilang kawalan diri sehingga sanggup menipu, meragut, mencuri, mencederakan bahkan lebih dahsyat lagi sanggup membunuh dan melakukan apa sahaja jenis jenayah asalkan mereka dapat memiliki dadah bagi memenuhi rasa ketagihan.

Baru-baru ini kita digemparkan dengan seorang anak sanggup membunuh dengan menikam kedua ibu bapanya kerana tidak

diberikan wang untuk membeli dadah. Selain itu, penyalahgunaan dadah juga boleh menyebabkan berlakunya keganasan dan keruntuhan rumah tangga serta pengabaian tanggungjawab terhadap isteri dan anak-anak yang diamanahkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala*. Maka, terjadilah kepincangan dalam rumah tangga yang boleh memberikan kesan mendalam kepada emosi, fizikal dan mental anak-anak.

Akhirnya, bahana dadah akan menghancurkan dan meruntuhkan sesebuah negara. Jangan sampai negara kita dijajah sekali lagi bukan secara fizikal tetapi dengan hancurnya generasi akibat masalah sosial disebabkan penyalahgunaan dadah.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Bagi menoktahkan gejala dadah ini, semua pihak termasuk para pemimpin dan rakyat perlu bertanggungjawab dan berganding bahu menyelesaikan masalah ini hingga ke peringkat akar umbi. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dalam memulihkan penagih, telah menggunakan pendekatan keagamaan dan kerohanian yang bersifat komprehensif dan holistik dalam memastikan penagih dapat mengekalkan kepulihan sepanjang hayat. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Al-Maidah ayat 2:

...وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ .

Maksudnya: Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam membuat kebajikan dan bertaqwa. Dan janganlah kamu tolong-menolong dalam berbuat dosa (maksiat) dan pencerobohan (melampaui batas-batas ajaran Allah dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Berat azab-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).

Sebagai tanda sokongan kepada program yang telah dilaksanakan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan, marilah kita bersama-sama sebagai individu, ibubapa, keluarga dan masyarakat memberi sokongan kepada individu yang sudah pulih sepenuhnya. Janganlah kita menghukum atau membiarkan mereka tanpa bantuan. Mereka perlu diberi peluang untuk memperbaiki kelemahan, menyesuaikan diri dan seterusnya memberi sumbangan kepada bangsa, agama dan negara. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam surah At-Tahrim ayat 6 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ.

Maksudnya: Wahai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala), penjaganya malaikat-malaikat yang keras dan kasar (layanannya) yang tidak derhaka kepada Allah terhadap apa-apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu melakukan apa-apa yang diperintahkan!"

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Apakah kita ingin melihat kehancuran dan kemusnahan negara kita disebabkan oleh dadah?. Cukuplah kita melihat kesan yang berlaku di beberapa buah negara. Oleh itu, bersempena dengan sambutan memperingati "Hari Antidadah Tahun 2024", marilah kita meningkatkan kesedaran dan kefahaman terhadap bahaya penyalahgunaan dadah serta berusaha mencegahnya dari memusnahkan anak bangsa kita, seterusnya menjadikan masyarakat dan negara kita bebas dari penyalahgunaan dadah. Ya Allah, lindungilah dan selamatkanlah anak-anak, keluarga, dan saudara mara kami dari terjebak dengan penyalahgunaan dadah. Amin Ya Rabbal 'alamin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru jemaah sekalian menghayati perkara-perkara penting berikut, supaya menjadi panduan dalam hidup kita:

Pertama: Umat Islam wajib menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran.

Kedua: Penyalahgunaan dadah adalah diharamkan dalam Islam kerana membawa kepada kecelakaan di dunia dan di akhirat.

Ketiga: Agensi Antidadah Kebangsaan, agensi berkaitan dan masyarakat hendaklah berganding bahu dalam proses menoktahkan masalah dadah.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Aali-Imran, ayat 104:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ.

Maksudnya: “Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (menyebarkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik (makruf) dan mencegah daripada segala perkara yang buruk dan keji (mungkar). Dan mereka itulah orang yang berjaya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya banjir di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikanlah apa yang kita makan bukan setakat ianya bertanda halal dan seumpamanya bahkan pastikan juga sumbernya adalah halal agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, lindungilah dan selamatkanlah anak-anak, keluarga, dan saudara mara kami dari terjebak dengan penyalahgunaan dadah serta peliharalah masyarakat, negeri dan negara kami daripadanya.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit

dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diingini dan wabak penyakit, khususnya wabak COVID 19.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.